

# PEGANGAN AL QURAN DAN SUNNAH KE ARAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN UMMAH

Muhd Azri Ikmal Bin Rusli<sup>1</sup>  
Syed Ahmad Syarifuddin Bin Syed Sallehuddin  
Muhammad Alif Imran Bin Kamarudin

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. ayie98@raudah.usim.edu.my

---

**Abstrak:** Pendidikan Islam mempunyai kekuatan yang unik kerana ia membolehkan kita membina asas yang kukuh bagi pembangunan tamadun manusia yang cemerlang dalam dimensi duniawi dan ukhrawi. Dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang mengutarakan aspek pendidikan dalam pembinaan tamadun manusia, bahkan penurunan al-Quran itu sendiri bermatlamat untuk mendidik manusia. Begitu juga dengan hadith dan sunnah Rasulullah saw, banyak daripada riwayat-riwayat Baginda yang menjurus kepada kepentingan pendidikan dalam memperkasakan tamadun ummah dan dikuatkan lagi dengan beberapa contoh tindakan yang Baginda saw laksanakan dalam menggalakkan umat Islam untuk mencintai ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, tulisan ini bertujuan mengupas dan menganalisis beberapa contoh ayat al-Quran dan hadis berhubung dengan pendidikan dalam Islam berserta beberapa contoh daripada tindakan Rasulullah saw dalam mempromosikan ilmu pengetahuan dalam kalangan umat Islam yang bermatlamat untuk memperkasakan kualiti dan nilai tamadun manusia.

**Kata Kunci:** Pendidikan, al-Qur'an, al-Sunnah, tamadun ummah

---

## PENDAHULUAN

Pendidikan berupaya memelihara dan memancarkan nilai-nilai asas sesebuah masyarakat dan begitu juga sebaliknya pendidikan juga boleh menjadi punca kekeliruan dalam sesebuah masyarakat. Pendidikan juga dapat membantu pertumbuhan sahsiah dan menyemai serta mengekalkan jati diri seseorang individu. Skop pendidikan dikatakan mencerminkan sikap dan kecenderungan yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Demikian juga, pendidikan merupakan elemen terpenting dalam proses tumbesaran dan kematangan seseorang yang dapat melahirkan generasi yang berguna dan berakhlak mulia. Dalam usaha untuk merealisasikan acuan tersebut, pendidikan adalah sangat penting untuk diaplikasikan bagi memantapkan kesemua nilai murni dalam setiap diri individu.

Di samping itu, pendidikan merupakan teras kepada pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Tanpa pendidikan, masyarakat umumnya akan hidup dalam kemunduran di samping akan menyebabkan keruntuhan moral yang berleluasa. Selaras dengan kepentingannya, maka ianya perlu dijadikan satu agenda penting yang patut dilaksanakan mengikut landasan yang sewajarnya. Dalam konteks pendidikan Islam, pendidikan hendaklah berteraskan al-Quran dan al-Sunnah yang didasari oleh tauhid dan keesaan Allah SWT. Kegagalan untuk meletakkan al-Quran dan al-Sunnah dalam pendidikan Islam akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk sahsiah muslim yang komited terhadap tuntutan agama.

Oleh yang demikian, umat Islam masa kini disarankan untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan menekankan dan menghidupkan semula elemen pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kita pada hari ini. Pendidikan boleh diibaratkan sebagai senjata yang sangat ampuh dalam mematahkan serangan ideologi mana-mana pihak yang berusaha untuk menjatuhkan Islam sekaligus membentuk dan mewujudkan manusia yang baik dan bertaqwa yang menyembah Allah dalam pengertian sebenar-benarnya, membina kehidupan duniawinya menurut Syariah (undang-undang Islam) serta mengamalkannya untuk tujuan mengukuhkan keimanannya.

## DEFINISI DAN KONSEP PENDIDIKAN

Pendidikan adalah suatu usaha yang dilakukan oleh manusia dan untuk manusia dengan berbagai peringkat, watak dan kewujudan. Al-Quran adalah kalam Allah yang kemudiannya dijadikan pedoman hidup umat Islam dan tidak ada keraguan padanya. Al-Qur'an sendiri telah mengisyaratkan bahawa persoalan pendidikan itu sangat penting, jika Al-Qur'an dikaji lebih mendalam kita akan menemukan beberapa prinsip dasar pendidikan, yang kemudian dapat kita jadikan inspirasi untuk berkembang di dunia pendidikan, rangka kerja pembangunan dan kualiti pendidikan. Pendidikan dalam Al-Quran merangkumi aspek yang sangat luas. Komponen penting yang menghubungkan tindakan dengan matlamat pendidikan ialah kaedah, kerana tidak mungkin bahan pendidikan diterima dengan baik melainkan disampaikan menggunakan kaedah yang betul. Beberapa jenis kaedah telah diterokai dan dikembangkan daripada ayat-ayat al-Quran, antaranya kaedah hiwar, ibrah mau`izhah, amtsal, qishas, tajribah, targhib-tarhib, dan uswatun hasanah (Tabrani ZA,2019).

Istilah pendidikan dalam bahasa Arab, biasa diterjemahkan dengan isitilah, seperti; tarbiyah dan ta'lim dengan berbagai derivasinya. Kedua istilah tersebut terdapat di beberapa tempat dalam al-Quran dengan berbagai konteks yang berbeda-beda. Untuk mengkaji masalah ini, digunakan pendekatan tematik (*maudhu'i*) dengan meneliti ayat-ayat yang berhubungan dengan pendidikan. Dari hasil kajian ini dapat disimpulkan bahwa konsep tarbiyah dan ta'lim adalah proses pembinaan, pengembangan, dan pemeliharaan serta pemberian bekal berupa ilmu pengetahuan dan keterampilan kepada peserta didik agar mereka memiliki kepribadian dan sikap mental yang luhur, sehingga mampu melak-sanakan tugasnya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini sesuai dengan daya nalar masing-masing. (Hamzah Djunaid,2014)

Konsep pendidikan yang ideal tidak dapat dipisahkan dengan pemahaman yang lengkap terhadap berbagai istilah pendidikan dalam al-Quran, kerana pemahaman terhadap istilah yang lengkap akan membawa kepada pemahaman yang menyeluruh. Dalam membongkar aliran pendidikan yang digunakan adalah kaedah deskriptif falsafah. Kaedah ini bertujuan untuk menerangkan sesuatu secara mendalam. Masalah yang dikaji dalam kaedah kajian ini adalah berkaitan dengan ciri-ciri pendidikan. Di dalam al-Quran kita dapati banyak aliran yang berkait dengan dunia pendidikan dan mempunyai pengertian yang berbeza, antaranya tadabbur, tazkiyah, tafaqquh dan bimbingan. Daripada hasil kajian ini dapat disimpulkan bahawa konsep pendidikan dalam pengertian tadabbur, tazkiyah, tafaqquh dan al hidayah ialah proses pemupukan, pemeliharaan, pengembangan dan pemberian ilmu dan kemahiran kepada pelajar supaya mereka mampu membawa keluar tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi mengikut kemampuan masing-masing. (Erpida, J., Anwar, A., & Hitami, M. 2022)

Jelasnya pendidikan Islam dijadikan sebagai satu proses mengasuh dan mendidik, membela, melatih, menyucikan, memperbaiki, mengawal hawa nafsu, membentuk ketaatan kepada Allah SWT membentuk sikap sopan dan beradab (mempunyai akhlak yang baik) dan memadamkan semua sifat tercela yang ada dalam diri manusia. Semua definisi ini memberikan kefahaman bahawa hampir keseluruhan pendidikan yang dikehendaki dalam Islam ialah merujuk kepada pendidikan rohani manusia selaku hamba Allah di muka bumi ini bagi memancarkan kejernihan akhlak dan budi pekerti yang tinggi selain untuk perkembangan ilmu pengetahuan itu sendiri yang merupakan medium yang amat penting dalam membangunkan ketamadunan manusia yang hidup di dunia ini.

## **PENDIDIKAN DALAM AL-QURAN**

Al-Quran adalah firman Allah SWT yang diturunkan melalui Malaikat Jibril (Ruh al-Amin) kepada Rasulullah SAW, Muhammad bin Abdullah dengan menggunakan bahasa Arab dan maknanya yang benar, agar menjadi hujjah (dalil) bagi Muhammad SAW sebagai Rasul, undang-undang bagi kehidupan manusia serta hidayah bagi orang yang berpedoman kepadanya, menjadi sarana pendekatan diri kepada Allah dengan cara membacanya. Ia tersusun di antara dua mushaf yang dimulai dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah an-Naas yang disampaikan kepada kita secara mutawatir, baik dari segi tulisan maupun ucapannya, dari satu generasi ke generasi lain, terpelihara dari berbagai perubahan dan pergantian, sejalan dengan firman Allah: "*Sesungguhnya Kami yang menurunkan al-Dzikir (Al-Quran) dan kami pula yang memeliharanya.*" (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman,1997)

Secara umumnya, proses pendidikan terhadap manusia berlaku sejak azali lagi apabila Allah SWT menciptakan Nabi Adam as seperti firman-Nya (al- Baqarah 2:31) yang bermaksud "*Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman "Terangkanlah kepadaKu nama benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar."* (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman,1997)

Ayat ini jelas menggambarkan bagaimana Allah SWT mengajar Nabi Adam segala nama benda yang terdapat di dalam dunia ini yang bakal dihuninya. Tujuan pengajaran ini ialah untuk kemudahan Nabi Adam dan zuriatnya tinggal di dunia sehingga hari kiamat (Ashraf 1985; Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2007). Menurut Mahyuddin (2001), al-Asma ialah nama-nama sesuatu benda atau perkara yang mana dengan mengenali atau mengetahui nama sesuatu perkara atau benda merupakan kunci atau asas kepada pembentukan ilmu kepada seseorang manusia. Oleh yang demikian, manusia dipertanggungjawab sebagai khalifah atau pemimpin untuk memakmurkan bumi ini kerana manusia dibekalkan dengan akal yang berpotensi untuk berfikir dan mencari ikhtiar bagi mengatur kehidupan mereka di dunia ini (Ashraf 1985).

Sehubungan dengan itu, paradigma pendidikan dalam al-Quran juga tidak lepas dari tujuan Allah menciptakan manusia itu sendiri iaitu penyerahan diri secara ikhlas kepada Pencipta yang terarah kepada tercapainya kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat sebagaimana firman Allah (al-Zariyyat 51:56) yang bermaksud: *“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”* (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman,1997)

Di samping itu, Islam adalah agama yang amat mementingkan dan menggalakkan umatnya menuntut ilmu. Bahkan al-Quran telah memainkan peranan yang cukup penting dalam pembinaan tamadun Islam agar umatnya terus belajar dan belajar serta sering menyelidiki sesuatu perkara. Perkara ini dibuktikan di dalam wahyu yang pertama diturunkan kepada Rasulullah saw dalam firman Allah dalam Surah al-Alaq ayat 1-5 (al-Alaq 96: 1-5) yang bermaksud: *Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.* (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman,1997)

Ayat ini memberi isyarat dan perintah yang amat jelas dalam bidang pendidikan. Perkataan *iqra'* (bacalah) yang disebutkan oleh malaikat Jibrail as berulang-ulang kali kepada Rasulullah saw menegaskan supaya umat manusia belajar, mengkaji dan mencari ilmu. Jika diteliti secara lebih mendalam, ayat ini mendidik dan mengajak orang yang beriman supaya menjadi orang yang berilmu (Mohd.Yusuf 2002). Petunjuk awal ini jugalah yang telah mendorong Rasulullah saw menjadikan aspek pembinaan peribadi cemerlang fizikal, mental dan spiritual mendahului segala agenda lain yang bersifat duniawi, material dan pembangunan fizikal (Zainuddin Jaafar 2003).

Berdasarkan ayat ini juga, ulama membuat kesimpulan bahawa belajar atau mencari ilmu itu adalah wajib terutamanya ilmu-ilmu yang berkaitan dengan agama Islam (Mohd. Yusuf 2002). Kejadian Allah yang sangat luas memerlukan kajian yang mendalam, memerlukan manusia menggunakan akalannya dan memperoleh pengetahuan yang tinggi. Penguasaan ilmu adalah amat dituntut oleh Islam. Justeru itu, Islam mewajibkan setiap umatnya, lelaki atau perempuan menuntut ilmu. Kewajipan ini juga bertujuan supaya umat Islam itu tergolong dalam umat Islam yang cerdas dan terhindar dari kejahilan.

Inilah ayat-ayat pertama yang diturunkan oleh Allah SWT dan ia merupakan rahmat Allah yang terbesar untuk umat manusia. Dalam ayat-ayat permulaan ini, Allah SWT telah memerintahkan Nabi Muhammad saw supaya membaca dan memperhatikan bukti kebesaran Allah SWT di muka bumi ini serta ayat ini jugalah yang telah menjadi landasan terciptanya pendidikan Islam bagi sekalian umat Islam (Syahrul Reza 2008). Selain daripada perintah secara langsung dari Surah al-Alaq, minda dan kesedaran manusia selalu dirangsang dengan pertanyaan retorik firman-firman Allah yang berbentuk “apakah engkau tidak berakal?”, “apakah engkau tidak berfikir?” dan seumpamanya. Menurut Mahyuddin (2001), dalam al-Quran perkataan akal diulang sebanyak 49 kali yang kebanyakannya diungkapkan dalam bentuk perbuatan (*fi'il mudhari'*). Dalam ilmu bahasa Arab, ungkapan dalam bentuk ini membawa maksud selalu menggunakan akal dan berfikir. Ini menunjukkan bahawa al-Quran sering merangsang dan menggalakkan manusia supaya menggunakan akal atau berfikir.

Sehubungan dengan itu, manusia juga dilahirkan dalam keadaan yang suci bersih dan tidak mengetahui apa-apa. Pendidikan awal adalah amat penting bagi mencorakkan kehidupan seseorang itu yang bermula dari peringkat kanak-kanak lagi. Firman Allah SWT (al-Nahl 16:78) yang bermaksud: *“Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur.”* (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman,1997)

Di samping itu, Allah juga telah menegaskan dalam firmanNya Surah al-Zumar (39: 9) tentang perbezaan di antara orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu, firmanNya yang bermaksud: Katakanlah lagi (kepadanya): *“Adakah sama orang-orang yang mengetahui Dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.*” (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman,1997)

Dalam ayat ini, jelas menunjukkan bahawa Allah memberikan penghargaan yang cukup tinggi terhadap orang yang berakal, berfikiran dan berilmu pengetahuan. Dalam ayat ini, perkataan ulul al-bab dapat diertikan sebagai orang yang berakal atau orang yang mempunyai hati, yakni orang yang mempunyai hikmah dan kebijaksanaan, yang terdiri daripada para ulama’, golongan cendekiawan dan intelektual serta sesiapa sahaja yang menggunakan hati dan akal untuk memerhati dan memikirkan semua kejadian di muka bumi ini (Mahyuddin 2001).

Sehubungan dengan itu, dalam al-Quran terdapat juga galakan supaya manusia sentiasa berusaha untuk memperluaskan diri mereka dengan ilmu pengetahuan. Sebagai contohnya, firman Allah SWT dalam Surah al-Mujadalah (58: 11) yang bermaksud : *“Allah mengangkat darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berilmu beberapa darjat.”* (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman,1997)

Janji ganjaran di sisi Allah ini merupakan insentif terpenting bagi umat manusia mencari dan menyebarkan ilmu yang mana telah mewujudkan satu budaya ilmu yang universal. Dalam sejarah, umat Islam bersikap terbuka terhadap khazanah ilmu tamadun-tamadun lain tetapi kritis tentang menyebarkan khazanah ilmu tersebut dengan nilai-nilai dan tuntutan Islam. Insentif inilah yang telah menjadi pendorong kepada pemimpin-pemimpin Islam untuk menjadi pelopor dan penaung kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan memberikan hak kepada setiap lapisan masyarakat untuk memperkembangkan minat dan kecenderungan mereka terhadap ilmu pengetahuan walaupun tidak semua yang melibatkan diri secara aktif (Wan Mohd. Nor 1990).

Menurut Ibn Khaldun (2000), Allah telah memberikan darjat yang tinggi kepada manusia dan membezakan manusia daripada makhluk lain ciptaanNya melalui kemampuan manusia untuk berfikir supaya manusia dapat mengatur segala tindak-tanduknya dengan baik. Al-Ghazali (1939) menyifatkan ilmu pengetahuan adalah ilmu yang mampu meninggikan martabat manusia serta memberi input yang berkesan untuk membina kekuatan pada jiwa manusia. Kekuatan inilah yang akan mematahkan keinginan hawa nafsu dan membawa manusia menghampirkan diri (taat) kepada Maha Pencipta. Jelasnya, ilmu pengetahuan bukan sahaja menduduki hierarki terpenting dalam pembangunan manusia dan pembinaan masyarakat secara keseluruhan bahkan menjadi medium utama untuk menggerak manusia melaksanakan fungsi manusia sebagai khalifah di muka bumi Allah ini. Oleh yang demikian, potensi yang dibekalkan oleh Allah SWT kepada manusia ini perlu dibangun, dididik dan dilatih secara seimbang bagi melayakkan mereka memikul tanggungjawab mengurus dan memimpin umat manusia, di samping merancang dan mengatur untuk membangun dan memakmurkan alam ini sesuai dengan kejadiannya sebagai makhluk berakal (Mahyuddin 2001).

Al-Quran menjelaskan bahawa manusia memiliki potensi untuk meraih ilmu dan mengembangkannya dengan izin Allah SWT. Oleh yang demikian, terdapat banyak ayat al-Quran yang memerintahkan manusia untuk menempuh dan menggunakan pelbagai cara untuk mewujudkan hal tersebut. Selain itu, terdapat banyak lagi ayat al-Quran yang menunjukkan tentang kelebihan ilmu dan betapa tingginya kedudukan orang yang mempunyai ilmu pengetahuan.

Umum mengetahui bahawa pengutusan Nabi Muhammad saw adalah merupakan era baru dalam arena pendidikan, ini termaktub dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2: 151) yang bermaksud: *(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah*

*seperti (nikmat) Kami memutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan kitab (Al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui. Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku). (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman,2020)*

Pendidikan pada era Rasulullah saw ini agak berbeza dengan yang sebelumnya kerana ia bersumberkan wahyu. Aktiviti pembetulan akidah dan pembersihan kebudayaan yang dijalankan oleh baginda di Mekah adalah proses pertama ke arah pembentukan sebuah tamadun Islam yang syumul. Program peningkatan tamadun umat Islam ini diteruskan oleh Nabi Muhammad saw di Madinah dengan memperbanyakkan lagi institusi pendidikan. Baginda telah menjadikan masjid-masjid di sekitar Madinah sebagai pusat pendidikan dan pembelajaran di samping kegiatan-kegiatan lain (Ismail 1999).

Tajul Ariffin (2002) menyatakan, untuk menjana kekuatan sesebuah bangsa dan negara, kekuatan agama hendaklah dibina dan dikembangkan di semua peringkat pendidikan. Manakala untuk mencapai matlamat memiliki warganegara yang baik, asas-asas pembinaan manusia haruslah bersepadu dan bermula dengan pembinaan akidah yang benar dan kukuh. Pendapat ini adalah berdasarkan firman Allah dalam surah al-A'raf ayat 172 yang bermaksud: *Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun temurun) dari (tulang) belakang mereka dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi", Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid ini)". (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman,1997)*

## **PENDIDIKAN DALAM AL-SUNNAH**

As-Sunnah ialah perkataan, perbuatan ataupun pengakuan Rasul Allah SWT. Yang dimaksud dengan pengakuan itu ialah kejadian atau perbuatan orang lain yang diketahui Rasulullah dan beliau membiarkan saja kejadian itu. Sunnah merupakan sumber ajaran kedua setelah Al-Qur'an. Sunnah juga berisi aqidah dan syari'ah. Sunnah berisi petunjuk untuk kemaslahatan hidup manusia dalam segala aspeknya, untuk membina umat menjadi manusia seutuhnya. Untuk itu Rasulullah menjadi guru dan pendidik utama. Beliau sendiri mendidik. Pertama dengan menggunakan rumah Al-Arqam Ibn Abi Al-Arqam, kedua dengan memanfaatkan tawanan perang untuk mengajar baca tulis, ketiga dengan mengirim para sahabat ke daerah-daerah yang baru masuk Islam. Semua itu adalah pendidikan dalam rangka pembentukan manusia muslim dan masyarakat Islam. (Akrim,2020)

Dari sudut pandangan Islam, mencari ilmu dan mengajarkannya adalah satu kewajipan yang sangat mulia, maka oleh yang demikian mencari ilmu adalah satu kewajipan bagi setiap muslim. Lebih tegas lagi, Islam mewajibkan bagi setiap umat Islam untuk menuntut ilmu sebagaimana sabda Rasulullah saw (Ibn Majah t. th. 1) yang bermaksud: *"Menuntut ilmu itu adalah kewajipan ke atas setiap orang Islam."*

Sabda Rasulullah SAW ini menunjukkan bahawa kewajipan menuntut ilmu bukanlah eksklusif kepada golongan tertentu sahaja bahkan kewajipan tersebut adalah ke atas seluruh umat Islam. Allah SWT tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu sehingga mereka berusaha untuk mengubahnya sendiri, dan di antara cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah tersebut adalah dengan ilmu yang boleh didapati daripada proses pendidikan.

Terdapat juga beberapa hadis yang menunjukkan tentang kepentingan pendidikan kepada umat Islam. Sebagai contohnya, dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Abu Hurairah r.a, Rasulullah saw bersabda (Bukhari t.th. 5) yang bermaksud: *“Tiap-tiap kanak-kanak itu dilahirkan dalam keadaan suci, maka ibu bapanyalah yang menjadikan ia Yahudi atau Nasrani atau Majusi.”*

Hadis ini menerangkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang cukup penting dalam pendidikan awal seperti membentuk asas-asas perkembangan diri seseorang anak. “Melentur buluh biarlah dari rebung,” peribahasa ini membawa analogi bahawa untuk mendapatkan keberkesanan dalam pendidikan seseorang itu mestilah bermula daripada masa kanak-kanak. Ini bertepatan dengan beberapa sabda Rasulullah saw (Abu Dawud t.th.) yang bermaksud : *“Suruhlah anak-anak kamu bersolat ketika berumur tujuh tahun dan pukullah mereka ketika berumur sepuluh tahun (jika masih tidak bersolat).”*

Sejarah juga telah membuktikan kepada kita bahawa kemajuan sesuatu bangsa adalah bergantung kepada pencapaian ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh tamadun tersebut. Kedudukan istimewa manusia di muka bumi ini seperti yang dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT, terletak kepada kelebihanannya dalam ilmu pengetahuan. Rasulullah saw juga telah mengangkat tinggi orang-orang yang berilmu pengetahuan dan menyuruh umatnya untuk menuntut ilmu tanpa mengira tempat, masa dan bahasa. Antara sabda-sabda yang pernah diungkapkan oleh baginda tentang kelebihan menuntut ilmu ialah:

- i. *Sesiapa yang berbicara tentang ilmu bererti memuji Tuhan. Sesiapa yang berusaha mencari ilmu bererti menyembah Tuhan. Sesiapa yang mengajar ilmu, Allah menyempurnakan pahalanya, dan sesiapa yang mempelajari ilmu dan mengamalkannya, Allah akan menunjukkan hal-hal yang belum diketahuinya.*
- ii. *Sesiapa yang datangnya malaikat maut, sedang dia dalam menuntut ilmu supaya menolong dengannya Islam, maka antaranya dan antara para anbia darjat yang satu di dalam syurga.*
- iii. *Demi sesungguhnya engkau berpagi-pagi maka engkau menuntut satu bab daripada ilmu lebih baik daripada bahawa engkau sembahyang sunat seratus rakaat.*

Berdasarkan kepada hadis-hadis di atas, rata-rata memberikan dorongan kepada manusia supaya senantiasa berusaha memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang boleh didapati daripada proses pendidikan. Pendidikan mempunyai kuasa untuk mengubah minda, pandangan dan cara hidup seseorang. Tegasnya, ilmu pengetahuan memainkan peranan yang cukup penting sebagai asas kekuatan sesuatu bangsa atau tamadun. Malah telah berlaku beberapa kali dalam sejarah bagaimana sesuatu bangsa yang kuat tetapi tidak ditunjangi dengan budaya ilmu yang baik, akan memeluk dan menganut nilai-nilai dan ciri-ciri tamadun lain yang ditaklukinya (Wan Mohd. Noor 1990).

Dari perspektif al-Sunnah, kita boleh mengambil contoh daripada beberapa tindakan Rasulullah SAW sebaik sahaja beliau diangkat menjadi Rasul. Ia boleh dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa pertama ketika beliau berada di Kota Mekah dan yang kedua ketika beliau berada di Kota Madinah. Di Kota Mekah baginda telah menyeru kepada agama Allah di samping mendidik mereka yang telah menyahut seruan dakwah Islam. Walaupun secara zahirnya usaha dakwah pada peringkat awal ini kelihatan kurang berjaya sehingga membawa kepada penghijrahan Rasulullah SAW ke Kota Madinah, namun secara hakikatnya ia telah membuktikan kejayaan besar Baginda ke atas orang-orang jahiliyah. Ini kerana Rasulullah saw berjaya mendidik sebilangan para sahabat dalam tempoh tersebut dan membentuk mereka menjadi sebuah kelompok yang mempunyai keistimewaan dari sudut akidah, budi pekerti serta matlamat hidup (Muhammad Shadid 1992). Selain itu, baginda juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kelas bimbingan dan didikan kepada golongan

*musabiqun al-awwalun* di rumah Abi bin Abi al-Arqam. Nabi Muhammad SAW selaku nabi yang terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT telah menggunakan pendekatan pendidikan bagi membangunkan Islam sekaligus mencapai matlamat pengutusannya.

Selepas dakwah baginda mendapat tentangan daripada penduduk Quraisy di Kota Mekah, Rasulullah saw telah berhijrah ke Kota Madinah demi keselamatan dan kelangsungan Islam yang baru melalui proses awal perkembangannya ketika itu. Di Kota Madinah, selain daripada menubuhkan kerajaan Islam yang pertama, antara aspek pembangunan yang ditekankan oleh Rasulullah saw adalah pembangunan dalam bidang pendidikan. Sebagai langkah awal beliau telah melantik beberapa orang individu dalam kalangan sahabat baginda untuk menjadi guru, antaranya Abu Ubaidah al-Jarrah dan Ubadah bin al-Samit untuk mengajarkan al-Quran kepada masyarakat Islam (Awang Yahya 2004). Pada peringkat ini, pendidikan tidak terfokus kepada persoalan akidah semata-mata malah menyentuh soal kekeluargaan dan masyarakat, peraturan serta tindak tanduk dalam hidup di samping melaksanakan syariat Islam dalam segenap aspek kehidupan. Maka dengan itu, bidang atau skop pendidikan menjadi bertambah luas selaras dengan meluasnya tujuan serta beragamnya suruhan serta larangannya (Muhammad Shadid 1992).

Di samping itu, Rasulullah SAW juga telah memperluaskan fungsi dan peranan masjid sebagai tempat untuk mendapatkan pendidikan. Dalam hubungan ini masjid tidak dilihat sebagai tempat untuk beribadat semata-mata tetapi dilihat juga peranannya yang sepadu dalam pembangunan dan perkembangan ummah. Masjid telah dijadikan sebagai pusat pembentukan muslim yang bertaqwa atau dalam erti kata lain masjid dianggap sebagai pusat pendidikan Islam yang terkemuka. Baginda juga telah memilih beberapa orang daripada kalangan orang-orang mukmin yang direkrut khas untuk menjalankan tugas-tugas pendidikan.

Selain itu, Rasulullah SAW juga telah mengeluarkan arahan tentang pendidikan. Arahan tersebut dinyatakan oleh baginda setahun selepas peristiwa hijrah ke Kota Madinah. Baginda telah naik ke mimbar masjid dan berkata (al-Kattani t.th.; Awang Yahya 2004): *Apatah halnya orang-orang mukmin tidak mengajarkan ilmu agama kepada jiran tetangga mereka dan mereka pula tidak belajar. Didiklah anak-anak kamu dengan sopan santun dalam tiga perkara: Kasihkan nabi kamu, kasihkan kaum keluarganya dan membaca al-Quran; tidak juga memberi nasihat supaya orang lain pergi belajar. Maka hendaklah kamu ketahui, kaum muslimin hendaklah mengajar jiran tetangga mereka dan mengajarkan ilmu agama dan memberi nasihat dan menyuruh berbuat perkara yang baik dan melarang perkara yang jahat. Dan mereka itu pula hendaklah belajar dan jiran tetangga itu hendaklah mempelajari agama dan memberi nasihat. Kalau mereka tidak berbuat demikian saya akan jatuhkan hukuman ke atas mereka.*

Salah satu lagi contoh daripada tindakan Rasulullah SAW yang menunjukkan baginda amat menitikberatkan soal pendidikan umat Islam adalah seperti yang berlaku selepas peristiwa perang Badar (sekitar abad kedua Hijrah) (Amir A. Rahman 1990). Tentera-tentera Islam telah berjaya menawan seramai 70 orang puak Quraisy. Kebanyakan daripada tawanan perang ini merupakan mereka yang tahu membaca dan menulis. Golongan ini telah diberi pilihan untuk membebaskan diri mereka dengan syarat membayar harga tebusan diri dengan menjadi guru menulis dan membaca kepada umat Islam di Madinah. Menurut laporan sejarah, dengan perhatian yang cukup tinggi yang telah diberikan oleh Rasulullah saw maka dalam masa yang singkat golongan tawanan Quraisy tersebut berjaya mengajar seramai 4000 orang Islam sebelum mereka dibebaskan (Shalaby 1954).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif ini bergantung kepada beberapa kaedah pengumpulan data yang melibatkan penyelidikan dalam kajian. Antaranya ialah

kaedah pemerhatian, pembacaan buku dan artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian dan analisis dokumen tersebut. Ini dilaksanakan untuk mengenalpasti maklumat tentang pegangan al-Quran dan Sunnah ke arah kecemerlangan pendidikan dalam memperkasakan tamadun ummah.

## **KESIMPULAN**

Pemerhatian terhadap kebangkitan tamadun Islam pada masa lalu tidak menafikan pembangunan dalam bidang pendidikan sebagai asas terpenting kekuatan sesuatu tamadun. Tidak dinafikan juga bahawa ilmu merupakan faktor terpenting dalam menentukan kebahagiaan individu dan kejayaan serta kekuatan sesuatu bangsa atau umat. Kehormatan dan kemuliaan diri, keluarga, bangsa, agama dan negara juga terletak pada kekuatan ilmu setiap individu di dalam masyarakat. Ilmu yang bermanfaat akan menjadikan setiap individu muslim itu maju, berdaya saing dan berkembang di atas landasan syariat. Bagi umat Islam, al-Quran dan Sunnah haruslah dijadikan panduan dalam mendasari pendidikan masyarakat kerana pendidikan dalam Islam mempunyai kaitan dengan aspek jasmani dan rohani serta merupakan suatu bentuk kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Oleh hal yang demikian, pembinaan terhadap kedua-duanya haruslah seimbang supaya dapat mengembalikan kegemilangan tamadun Islam seperti mana yang telah ditunjukkan pada zaman awal Islam.

## RUJUKAN

- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir A. Rahman. 1990. *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1979. Preliminary thoughts on the nature of knowledge and the definition and aims in educations. al-Attas, S.M.N (pynt.). *Aims and Objectives of Islamic education*, hlm. 19-47. London: Hodder & Stoughton.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1992. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Samsudin Jaapar (ptjh.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Yahya Ibrahim. 2004. *Ilmu Pengetahuan dan Tujuan Pendidikan Mengikut Pandangan Islam*. Brunei: Pusat Dakwah Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam.
- Erpida, J., Anwar, A., & Hitami, M. (2022). Konsep Pendidikan Dalam Al Quran. *Al-Mutharahah: Jurnal Penelitian Dan Kajian Sosial Keagamaan*, 19(1), 1-12.
- Ibn Khaldun. 2000. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Bakar. 1999. *Sejarah Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Hamzah Djunaid. 2014. *Konsep Pendidikan Dalam Alquran (Sebuah Kajian Tematik)*: Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Indonesia
- Halsted, J. M. 2004. An Islamic concept of education. *Comparative Education*. Vol. 40. No. 4. (Nov. 2004): 517-529.
- Simpson, J.A & Weiner. E.S.C. 1989. *The Oxford English Dictionary*. 2<sup>nd</sup> ed. Volume 5. (Dvanda-Follis). Oxford: Clarendon Press.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- al-Kattani, Abd al-Hay. t.th. *Nizam al-Hukumah al-Nabawiyah al-Musamma bi al-Taratib al-Idariyyah*. Lubnan: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Kurshid Ahmad. 1975. *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Mahyuddin Ashaari. 2001. Pendidikan al-Quran menjana keupayaan berfikir. *Jurnal pendidikan Islam*. Jil. 9. Bil. 4. November 2001.
- Mohd. Yusuf Ahmad. 2002. *Falsafah dan sejarah pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Shadid. 1992. *Metodologi al-Quran dalam Pendidikan*. Osman Khalid (ptjh.). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Rosnani Hashim. 2006. Falsafah penyelidikan pendidikan dari perspektif Islam: Konsep dan matlamat. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jil. 12. Bil. 1. Julai 2006.
- Ashraf, S.H. 1985. *New Horizons in Muslim Education*. Cambridge: Hodder and Stoughton, The Islamic Academy.
- Syahrul Riza. 2008. *Konsep pendidikan Islam menurut pemikiran Ibn Khaldun: Suatu Kajian terhadap elemen-elemen kemasyarakatan Islam*. Tesis Sarjana. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Tabrani ZA. 2019. *Menelusuri Metode Pendidikan Dalam Al-Quran Dengan Pendekatan Tafsir Maudhui*. : Universitas Serambi Mekah, Indonesia
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1997, Darul Fikir, Cetakan 14, Kuala Lumpur
- Tajul Ariffin Noordin dan Nor' Aini Dan. 2002. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bangi. As Syabab Media.
- Thoha, Chabib H.M. 1996. *Kapita Selektu Pendidikan Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1990. Budaya ilmu sebagai asas pembangunan tamadun. *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil. 3. Bil. 1, hlm. 51-67.
- Zainudin Jaffar. 2003. Matlamat dan fungsi penubuhan institusi pengajian Islam, Suzalie Mohamad (pnyt), Dlm. *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.